

Bantulah Derma Kebangsaan Melayu*



ALAM mesyuarat yang banyak membincangkan tentang Derma Kebangsaan yang telah dilancar bagi membangunkan orang Melayu, di antara lain Dato' Onn telah berkata:

'Saya suka memaklumkan di majlis itu tentang pertolongan dan bantuan pihak surat-surat khabar Melayu iaitu *Warta Negara* di Pulau Pinang, *Majlis* di Kuala Lumpur dan *Utusan Melayu* di Singapura yang telah menolong dan membantu menzahirkan dan menghebahkan perkara-perkara yang berkenaan. Ketiga-tiga buah akhbar itu telah melapangkan ruangnya menyiarkan butir-butir yang berkenaan perjalanan derma ini.

'Daripada kutipan yang telah dijalankan sehingga 4 Julai ini telah dapat diterima sejumlah \$19,266.75 iaitu kutipan dalam masa lebih kurang dua bulan setengah'.

Dato' Onn menghuraikan bagaimana tiap-tiap sebuah negeri memberi bantuan kepada derma itu sambil menyebutkan derma daripada sebuah-sebuah negeri itu. Di antaranya ada yang cuma menderma sebanyak \$3. Yang lain menderma \$16 ada yang menderma \$22, ada \$78. Selain daripada itu \$189, \$336, \$162, \$143, \$212, \$350, \$623 dan \$9,524. (Peringatan: derma ini tidak dimasukkan angka sen.)

Beliau berkata angka \$19,266.75 itu termasuklah derma daripada Raja-raja Melayu yang berjumlah \$6,000.

Selepas itu Dato' Onn meminta kepada ahli ilmu kira-kira tolong congakkan dan terangkan iaitu dengan kira-kira kasar sahaja katahlah \$20,000 jumlahnya dikutip dalam masa dua bulan setengah itu bererti cuma \$8,000 sahaja dalam sebulan.

Ucapan seterusnya: 'Daripada angka-angka itu nescaya didapati

* Ucapan di Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Sekolah Francis Light, Pulau Pinang, pada 27 dan 28 Julai 1946.

bagaimana rupanya bantuan umat Melayu yang berkehendakkan dirinya itu senang dan makmur dapat mengalahkan bangsa-bangsa lain, dapat merdeka, tetapi fikirkanlah bantuannya itu hanya berjumlah \$267 pada sehari.

'Umat Melayu yang ada di Semenanjung ini umat Melayu yang menyorakkan, menepukkan, yang berkehendak membaguskan kedudukan bangsa, tetapi cuma dapat mengadakan derma kebangsaan sebanyak sebelas ringgit sahaja pada satu jam.

'Saya minta kepada ahli-ahli sekalian fikirkan baik-baik perkara itu. Dua juta setengah umat Melayu hanyalah dapat mengadakan \$20,000 padahal Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu hendak menjalankan langkah-langkah bagi memajukan bangsa Melayu dalam segala bahagian, tetapi hendak menguruskan tentang sebuah pejabat sahaja berkehendakkan perbelanjaan tidak kurang \$150,000 dalam setahun.

'Kirakanlah berapa tahun lamanya kita kena menunggu bagi menjayakan sebuah pejabat sahaja.

'Saya suka juga hendak menyatakan bahawa suku daripada jumlah derma itu telah diterima daripada kaum yang lemah lembut yang tak tahu bercakap banyak tetapi mereka sentiasa menunjukkan jasa.

'Berkenaan dengan Derma Kebangsaan yang ada dan yang diterima hari ini sewajarnya ada. Jika tidak nescaya boleh disifatkan terbantut sahaja langkah-langkah UMNO kerana dengan tanggungan saya sendiri daripada wang kumpulan derma kebangsaan itulah diurus pekerjaan-pekerjaan yang mustahak. Akan tetapi saya minta kepada ahli sekalian tiap-tiap yang diperbelanjakan itu akan dituntut balik dan ialah hak kepada UMNO.

'Dengan melalui wakil-wakil dan melalui persekutuan-persekutuan, saya serukan dengan sekuat-kuat suara saya dan sepenuh-penuh hati saya meminta dan memohonkan tolonglah hebahkan kepada sekalian umat Melayu di seluruh Semenanjung ini supaya menderma kepada derma kebangsaan ini kerana dengan bantuan mereka itulah kelak UMNO akan dapat membantu balik kepadanya.

'Kepada hartawan-hartawan saya bersuara dengan menyembah kepada mereka sokonglah dan bantulah Derma Kebangsaan Melayu itu,' kata Dato' Onn.

Kemudian beliau menyebut bahawa di Baling, Kedah ada seorang alim yang berpengetahuan serta bijaksana telah berkata dalam

suatu ucapan bahawa orang yang berharta tidak mengerti—bukan tidak mengerti kerana tiada berpelajaran tetapi ialah tidak mengerti menggunakan hartanya untuk kebajikan am.

Kepada umat Melayu yang berkata 'Sedaya hendak mengorbankan segala-galanya untuk faedah bangsa dan tanah air', beliau meminta supaya mengorbankan dahulu dirinya dalam langkah memajukan Derma Kebangsaan ini.

Lebih lanjut Dato' Onn memberi sedikit petua bagaimana hendak mengorbankan diri seperti yang disebutkan itu. Beliau berkata jika seseorang berhajat hendak menengok wayang gambar tangguhkan dahulu pada hari itu dan campakkan wang untuk menonton wayang gambar itu kepada Derma Kebangsaan. Jika seorang ada nafsu hendak minum kopi, pada kali ini jemputlah minum air sejuk dan wang harga kopi itu didermakan. Demikian juga seseorang hendak merokok, termasuk juga diri beliau sendiri, kurangkanlah dan duit lebih daripada membeli rokok itu campakkan kepada derma kebangsaan.

Dato' Onn menyebut dalam berkuasa kelak, kita boleh berkhidmat banyak dalam perkara derma ini dengan mengurangkan belanja tetapi sifatkanlah perbelanjaan kita itu seperti biasa. Selebihnya itu diuntukkan kepada Derma Kebangsaan, dan apa-apa perbelanjaan itu daripada tercampak kepada bangsa lain campakkanlah kepada bangsa sendiri.

Kata Dato' Onn lagi: Mustahaknya orang Melayu berderma kepada Derma Kebangsaan ini tidak akan jadi sia-sia bahkan akan berguna kepada keturunannya.

'Kita orang Melayu masih ada juga menaruh sakit hati dan ada juga yang menaruh fikiran apakah sebabnya kita orang Melayu kecikiran daripada bangsa asing. Jika kita perhalusi sedikit, siasat kita nescaya akan dapat jawab dengan nyatanya. Lihatlah bangsa asing walau sedikit jumlahnya sekalipun pada satu-satu tempat tetapi mereka itu sentiasa bersatu dan berbantu-bantuan dalam segala hal.'